05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN SIMULASI PHET TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR FIZIK TINGKATAN EMPAT DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN.

T.MANIARRASAN A/L THANIKASALAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (FIZIK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan kesan simulasi PhET (*Physics Education Technology*) terhadap pencapaian pelajar fizik tingkatan empat bagi topik Hukum Newton. Kajian turut menentukan persepsi pelajar terhadap simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) fizik. Kajian dengan reka bentuk kuasi-eksperimen ini melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada 40 pelajar tingkatan empat. Sampel kajian dibahagikan dengan bilangan sama secara rawak kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Kumpulan rawatan diajar menggunakan simulasi PhET selama tiga minggu manakala kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah konvensional. Kedua-dua kumpulan ditadbir dengan ujian pra dan pasca. Soal selidik juga digunakan bagi memperoleh persepsi pelajar tentang penggunaan simulasi PhET dalam PdP fizik. Data kajian dianalisis menggunakan ujian-*t* tak bersandar dan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar yang signifikan [$t(38) = 2.98$, $p < 0.05$] bagi kumpulan rawatan (M=75.85, SP=5.16) berbanding kumpulan kawalan (M=69.75, SP=7.53). Dapatan daripada soal selidik mengenai persepsi pelajar pula menunjukkan bahawa mereka bersikap positif terhadap penggunaan simulasi PhET dalam PdP fizik iaitu yakin diri (M=4.11, SP=0.94) dan minat terhadap PhET (M=4.25, SP=0.72). Kesimpulannya, simulasi PhET berupaya meningkatkan pencapaian pelajar fizik berbanding kaedah konvensional. Implikasi kajian ini adalah simulasi PhET sesuai digunakan sebagai salah satu strategi berkesan untuk PdP fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EFFECT OF PHET SIMULATION TOWARDS FORM FOUR PHYSICS STUDENTS' ACHIEVEMENTS FOR THE TOPIC NEWTON LAWS

ABSTRACT

This research aimed to determine the effect of PhET (Physics Education Technology) simulation towards form four physics students' achievement for the topic Newton Laws. This study also determined students' perceptions towards PhET simulation in physics teaching and learning (TnL). This quasi-experiment designed research involved a sample of 40 form four physics students. The research sample was randomly and equally divided into the treatment and control groups.The treatment groups were taught using PhET simulations for three weeks while the control group was taught using conventional methods. Both groups were administered with the pre and post-test. A questionnaire was also used to obtain students' perception regarding the usage of PhET simulation in physics TnL. The research data were analysed using independent *t*-test and descriptive statistics. The findings showed significant improvement in students' achievement [$t(38)=2.98$, $p<0.05$] for the treatment group ($M=75.85$, $SD=5.16$) compared with the control group ($M=69.75$, $SD=7.53$). While the findings from the students' perception questionnaire showed their positive attitude towards the usage of PhET simulation in physics TnL namely; self-confidence ($M=4.11$, $SD=0.94$) and students' interest towards PhET ($M=4.25$, $SP=0.72$). In conclusion, the PhET simulation is able to improve students' achievement compared to the conventional method. The implication of this study is PhET simulation is suitable when used as one the effective strategy for physics TnL.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI LAMPIRAN xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 4

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Persoalan Kajian 7

1.6 Hipotesis Kajian 8

1.7 Kerangka Konsep Kajian 8

1.8 Kepentingan Kajian 10

1.9 Batasan Kajian 12

1.10 Definisi Operasi 12

1.10.1 Simulasi 12

1.10.2 Pencapaian Fizik 13

1.10.3 Persepsi 14

1.11 Rumusan 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 16
2.2 Konsep Teori Pembelajaran 17
2.3 Teori Kognitif 19
2.4 Teori Tingkahlaku 21
2.5 Teori Dua Kord 22
2.6 ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 25
2.7 Multimedia 27
2.8 Simulasi 29
2.9 Kajian-Kajian Lepas 33
2.10 Rumusan 36

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan 37
3.2 Reka Bentuk Kajian 38
3.3 Persampelan Kajian 39
3.4 Instrumen Kajian 41
3.4.1 Ujian Pencapaian (Pra Dan Pasca) 41
3.4.1.1 Tujuan Ujian 42
3.4.1.2 Isi Kandungan Ujian 42
3.4.1.3 Penilaian Aras Item 43
3.4.1.4 Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) 47
3.4.2 Soal Selidik 48
3.5 Kajian Rintis 50
3.6 Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan 50
3.6.1 Kesahan 51
3.6.2 Kebolehpercayaan 53
3.7 Ujian Normaliti 54
3.8 Prosedur Kajian 58
3.8.1 Carta Alir Prosedur Kajian 59
3.9 Analisis Data 60
3.9.1 Ujian Statistik Deskriptif 61
3.9.2 Analisis Stastitik inferensi 61

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.10 Rumusan 62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 63

4.2 Demografi Sampel Kajian 64

4.3 Dapatan Kajian 64

4.3.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah konvensional) dalam tajuk Hukum Newton? 64

4.3.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah konvesional) dalam tajuk Hukum Newton? 65

4.3.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah konvesional) dalam tajuk Hukum Newton? 66

4.3.4 Apakah skor min persepsi pelajar kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) terhadap penggunaan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran? 67

4.4 Rumusan 73

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 74

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 75

5.3 Analsis Data Statistik Deskriptif 75

5.3.1 Apakah min skor persepsi pelajar kumpulan rawatan (kaedah simulasi PhET) terhadap penggunaan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran? 77

5.4 Analsis Data Statistik Inferensi 78

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah konvensional) dalam tajuk Hukum Newton? 78

5.4.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah konvesional) dalam tajuk Hukum Newton? 78

5.4.3 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dalam tajuk Hukum Newton? 79

5.5 Cadangan 80

5.6 Implikasi Kajian 81

5.7 Kesimpulan 83

RUJUKAN 84

LAMPIRAN 92

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	*Dapatan kajian Perkins, Adams, Dubson, & Finkelstein (2006)*	35
3.1	Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen	39
3.2	Persampelan Kajian	39
3.3	Penilaian Aras Terhadap Soalan oleh Panel Pakar bagi Tajuk Hukum Newton (Ujian Pencapaian Pra dan Pasca)	43
3.4	Aras Bloom Taxonomy	47
3.5	Item-Item Soal Selidik Mengikut Jenis Sikap	49
3.6	Skala Likert	49
3.7	Instrumen serta Nilai Kappa	51
3.8	Skala Persetujuan Cohen Kappa	52
3.9	Nilai Cronbach's Alpha dan Hubungannya	53
3.10	Nilai Cronbach's Aplha Bagi Setia Jenis Ujian	54
3.11	Jenis Ujian, Bilangan Sampel Kajian Serta Nilai Skewness & Kurtosis	55
3.12	Data Analisis	60
3.13	Skala Taburan Min	61
4.1	Demografi	64
4.2	Analisis Ujian Pra	64
4.3	Analisis Ujian Pasca	65
4.4	Analisis Ujian Pra dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	66
4.5	Sikap sampel kajian terhadap penggunaan simulasi PhET	68
4.6	Sikap yakin sampel kajian terhadap penggunaan simulasi PhET	69
4.7	Sikap suka sample kajian terhadap penggunaan simulasi PhET	70
4.8	Sikap bimbang sampel kajian terhadap penggunaan simulasi PhET	71
4.9	Sikap menolak sample kajian terhadap penggunaan simulasi PhET	72
5.1	Jenis Ujian dan Sampel Kajian Serta Nilai Min dan Peratus	75

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	10
2.1	Komponen Multimedia	28
2.2	Simulasi PhET	32
3.1	Normal Probability Q-Q Plot bagi ujian pencapaian pra sampel kajian	56
3.2	Histogram bagi ujian pencapaian pra sampel kajian	56
3.3	Normal Probability Q-Q Plot bagi ujian pencapaian pasca sampel kajian	57
3.4	Histogram bagi ujian pencapaian pasca sampel kajian	57
3.5	Carta Alir Procedur Kajian	59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A1	Ujian Pra
A2	Ujian Pasca
B1	Soal Selidik
C	Keputusan Analisis SPSS
C1	Kajian Rintis
C2	Normaliti
C3	Ujian Inferensi
D1	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah
E	Rancangan Pengajaran Harian
F	Lembaran Kerja Simulasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Simulasi adalah satu konsep di mana pelajar dapat mencipta dan membuat eksperimen atau latihan mengikut kehendak mereka supaya mereka dapat mendalami sesuatu konsep yang terdapat dalam eksperimen atau latihan tersebut (Cadmus, 1990).

Kajian Nabihah (2003) pula menyatakan bahawa pelajar tidak dapat menguasai sesuatu konsep dalam Fizik dan ini menyebabkan pencapaian mereka menurun. Manakala, kajian Mohd Arif, Rosnaini dan Raja Maznah (2004) menunjukkan pada masa sekarang kebanyakkan guru Fizik menggunakan teknik *'chalk and talk'* dalam pengajaran Fizik dan ini membosankan pelajar lalu menyebabkan mereka kurang minat dalam pembelajaran Fizik. Selain itu, dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajiannya beliau menyatakan bahawa pembelajaran berpusatkan guru dijalankan dalam pengajaran Fizik. Ini menyebabkan pencapaian pelajar menurun.

Jadi kajian ini akan menggunakan teknik yang berbeza yang selaras dengan teknologi pada masa kini iaitu simulasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Fizik bagi Hukum Newton untuk pelajar tingkatan empat. Dalam kajian ini simulasi digunakan sebagai salah satu alat bantu mengajar di mana pelajar menggunakan simulasi dan memahami konsep Fizik dengan bantuan guru. Justeru, simulasi digunakan bagi mengenalpasti kesan penggunaan simulasi dalam mata pelajaran Fizik bagi tajuk Hukum Newton.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Daripada kajian-kajian lalu, didapati kaedah pengajaran memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam Fizik. Menurut Mackenzie dan Jansen (1998), berdasarkan perbandingan antara pengajaran menggunakan kaedah tradisional dengan multimedia beliau mendapati pelajar menyatakan bahawa pendekatan pengajaran berasaskan multimedia adalah:

a) lebih menarik dan menyeronokkan
b) mudah dilihat dan dibaca dan
c) meningkatkan kefahaman dan lebih diingati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Multimedia merupakan sumber asas yang bergerak dengan pantas pada masa kini dan penting pada abad ke 21 ini. Multimedia bertukar sesuatu persembahan kepada lebih dinamik iaitu menjadikan teks lebih bermaya dengan integrasi bunyi, gambar, muzik dan video (Rozinah, 2005). Beliau juga menyatakan pengajaran berasaskan multimedia sangat efektif terhadap pelajar dengan memberi motivasi, pembangunan kemahiran pemikiran yang kreatif dan kritis dan menambahbaik kemahiran menulis.

Menurut Menn (1993), pelajar mengingati hanya 10% daripada apa yang dibaca, 20% daripada apa yang mereka lihat, 30% jika mereka melihat terhadap apa yang mereka dengari, 50% jika mereka melihat seseorang melakukan sesuatu sambil menerangkannya dan hampir 90% jika mereka sendiri melakukan sesuatu tugasan dengan sendiri untuk menguasai konsep tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan teknologi komputer melibatkan elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi dan sebagainya membolehkan pelajar mempelajari sesuatu dengan cepat dan ia kekal dalam ingatan bagi tempoh yang lama (Mohd Arif, Abdullah dan Rosnaini, 2000; Zaidatun dan Yap, 2000). Selain daripada itu, dalam kajian Mohd Zaliman dan Manjit Singh (2001), mereka menyatakan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi membenarkan penggabungan tersebut berlaku pada hari ini. Menurutnya dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Fizik, topik-topik seperti daya, gelombang, tenaga dan atom biasanya melibatkan konsep-konsep sains yang abstrak. Contohnya, zarah mikroskopik memerlukan daya imaginasi yang tinggi untuk pelajar mentafsirkan dan ini dapat senang dipelajari dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadi, salah satu strategik yang paling menonjol untuk menangani masalah tersebut adalah dengan penggunaan simulasi PhET(*Physics Education Technology)*. Ini adalah gabungan teknologi multimedia ke dalam pendidikan bagi menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang dinamik, menarik dan berkesan bagi pelajar. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik bagi tajuk Hukum Newton dan diharapkan ia dapat menunjukkan kesan penggunaannya terhadap pencapaian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian mengenal pasti tahap kefahaman dan salah konsep menggunakan instrumen FCI *(Force Concept Inventory)* turut dijalankan di sekolah menengah di Malaysia. Suatu kajian telah dijalankan oleh Mohammad Mubarak, Siti Fairuz Dalim dan Norezan Ibrahim pada tahun 2013. Mereka telah mentadbir kepada 116 orang pelajar dan empat orang guru Fizik di empat buah sekolah di Johor Bharu. Dapatan mendapati 60.4% pelajar dan 25% guru menghadapi salah konsep. Manakala 39.6% pelajar dan 75% guru kurang pengetahuan tentang konsep daya dan gerakan. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Yusof Hashim (1994) pula menunjukkan 39.4% pelajar sekolah di Kulai mengalami salah konsep dalam konsep Daya dan Gerakan. Hal ini menunjukkan tahap penguasan konsep dalam kalangan pelajar sekolah menengah berada di tahap yang lemah. Walaubagaimanapun, kajian sebegini sebenarnya masih kurang meluas iaitu hanya 45 kajian dijalankan di peringkat sekolah menengah berbanding di peringkat universiti. Dapatan-dapatan kajian di atas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggambarkan keadaan penguasaan konsep Daya dan Gerakan yang sebenar dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Satu kajian tinjauan telah dijalankan oleh Beng (2002) terhadap pendekatan yang digunakan oleh guru Fizik Tingkatan Enam dan pandangan pelajar tentang pembelajaran Fizik. Dalam kajian beliau, beberapa pelajar berpendapat bahawa :

a) konsep Fizik susah sehingga ia harus mengaplikasikan dalam kehidupan seharian
b) terdapat banyak konsep yang harus difahami
c) menghadapi masalah dalam memahami sesuatu konsep
d) pembelajaran Fizik adalah membosankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Abdul Rahman dan Zakaria (1994) berpendapat bahawa fenomena ini memberi kesan ke atas minat pelajar terhadap mata pelajaran Fizik yang akhirnya akan membantutkan hasrat Negara untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mengambil bidang sains kepada 60% berbanding 40% bidang sastera.

Menurut Khor (1997), penurunan pencapaian bagi mata pelajaran Fizik berlaku dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti bahan pengajaran yang kurang sesuai, organisasi kandungan pembelajaran yang kurang terancang, persekitaran bilik darjah yang kurang mengalakkan proses pengajaran dan pembelajaran Fizik yang membosankan para pelajar. Khor (1997) juga menjelaskan bahawa mata pelajaran Fizik kurang popular berbanding mata pelajaran Biologi. Ini disebabkan kebanyakkan pelajar sekolah menengah dipengaruhi oleh pandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negatif terhadap mata pelajaran Fizik iaitu tentang kesukarannya, tidak relevan dan menjemukan (Williams, 2000).

Tambahan pula, kajian Nor Hashidah Abd. Hamid (2000) pula mendapati kurangnya minat pelajar dalam mata pelajaran Fizik disebabkan oleh kesukaran mata pelajaran tersebut yang mempunyai banyak fakta yang perlu dipelajari. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan dengan teknik yang betul akan berupaya untuk meningkatkan pencapaian terhadap sesuatu mata pelajaran. Beliau juga mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap Fizik. Tetapi kemerosotan minat pelajar dalam mata pelajaran Fizik disebabkan kelemahan pelajar menyelesaikan masalah dan gagal menguasai konsep sebenar dalam mata pelajaran Fizik. Mereka sering menganggap Fizik adalah satu mata pelajaran yang sangat sukar dipelajari dan memahami konsep (Reid & Skryabina, 2002).

Justeru, dapatan kajian lepas menyimpulkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar kurang minat dan tidak dapat memahami konsep fizik dengan baik sehingga terdapat penurunan dalam pencapaian akademik bagi mata pelajaran Fizik. Jadi dalam kajian ini pengajaran dan pembelajaran yang berpandukan simulasi diperkenalkan untuk melihat kesan terhadap pencapaian. Kaedah simulasi ini akan meningkatkan pencapaian. Oleh itu, kajian ini penting untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang boleh membantu pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Menentukan kesan penggunaan PhET dalam tajuk Hukum Newton terhadap pencapaian pelajar
2. Mendapatkan persepsi pelajar terhadap penggunaan PhET dalam pengajaran dan pembelajaran Hukum Newton.

1.5 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Adakah terdapat perbezaan min skor ujian pra antara kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah tradisional) dalam tajuk Hukum Newton?
2. Adakah terdapat perbezaan min skor ujian pasca antara kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah tradisional) dalam tajuk Hukum Newton?
3. Adakah terdapat perbezaan min skor antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dalam tajuk Hukum Newton?
4. Apakah min skor persepsi pelajar kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) terhadap penggunaan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul

H01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor ujian pra antara kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah tradisional) dalam tajuk Hukum Newton.

H02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pasca antara kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (Kaedah tradisional) dalam tajuk Hukum Newton.

H03 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min skor ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan (Kaedah simulasi PhET) dalam tajuk Hukum Newton.

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Mengikut Teori Dua Kod (Paivio, 1991) pengetahuan disimpan dalam dua bentuk iaitu dalam bentuk bukan linguistik dan bentuk linguistik. Beliau menyatakan linguistik ialah dalam bentuk teks atau suara manakala bukan linguistik adalah dalam bentuk gambar, diagram dan animasi. Kajian beliau menunjukkan bahawa semakin banyak kita menggunakan kedua-dua bentuk di atas, semakin mudah kita dapat berfikir dan ingat sesuatu perkara atau konsep dengan lebih lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dalam kajian ini teori dua kord digunakan sebagai asas bagi menyokong penggunaan simulasi memberi kesan yang positif ke atas pencapaian. Ini adalah kerana simulasi meliputi aspek teks, suara, gambar, diagram dan animasi seperti yang dinyatakan oleh Paivio, (1991). Selain itu, mengikut teori Bandura, persepsi pelajar terhadap mata pelajaran bergantung kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.


Ahli-ahli psikologi teori tingkah laku seperti Pavlov dan Watson menyatakan pembelajaran berlaku apabila berlaku perubahan tingkahlaku dalam diri seseorang disebabkan pengalamannya. Menurut Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003), perubahan tingkah laku adalah perubahan tingkah laku daripada tidak tahu melakukan sesuatu perkara kepada tahu melakukannya. Ia dapat dibuktikan dalam pendidikan. Contohnya, seseorang pelajar mempelajari sesuatu yang baru dan mengaplikasikan dalan kehidupan seharian. Konsep yang sama dipraktikkan dalam simulasi.

Teori kognitif adalah daripada satu konsep pembelajaran yang popular dan sering digunakan dalam dunia pendidikan. Ia melibatkan proses mental di mana pemprosesan dan memahami maklumat dijalankan. Mengikut Kamarul Shukri dan Mohamed Amin Embi (2010), kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dan penggunaan simulasi adalah antara kaedah yang berkesan untuk merangsangkan pemikiran pelajar lalu memahami sesuatu konsep dengan lebih berkesan.

Justeru teori tingkahlaku teori dua kord dan teori kognitif digunakan bagi menerangkan dapatan kajian tentang kesan simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian harus menghuraikan sumbangan kepada teori ilmu dalam bidang yang disentuh dan potensi aplikasi dapatan kepada penyelesaian masalah tersebut atau penambahbaikan dalam masalah yang dihuraikan. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk memberi maklumat kepada guru-guru, pihak sekolah, Jabatan Pelajaran, dan Kementerian Pelajaran sebagai suatu panduan dalam pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bersesuaian dengan tahap pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025 (2013), anjakan ketujuh adalah memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pelajaran di Malaysia. Bagi merealisasikan anjakan tersebut pelajar didedah kepada pembelajaran berpandukan ICT. ICT juga mempunyai potensi yang besar untuk meningatkan proses pembelajaran ilmu dan kemahiran berfikir yang luas. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, pengkaji menggunakan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik.

Guru dapat memahami kehendak pelajar dan menggunakan maklumat dari kajian ini untuk merancang pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk lain di Fizik. Oleh itu adalah wajar pihak ibubapa, guru, sekolah, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan mahu pun pihak swasta untuk tampil ke hadapan membudayakan kaedah simulasi ini selain daripada kaedah yang biasa digunakan di sekolah.

Selain itu, kajian ini juga boleh menunjukkan sama ada pencapaian pelajar mempunyai kaitan dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan keadah pengajaran dan pembelajaran iaitu penggunaan simulasi. Oleh itu pemilihan kepada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persepsi diharapkan dapat menggalakan usaha ke arah meningkatkan lagi pencapaian. Adalah diharapkan juga melalui kajian ini, ia dapat membantu guru dan pihak sekolah untuk membaiki kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah yang lebih menarik seperti simulasi bagi meningkatkan pencapaian akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini terbatas kepada perkara-perkara berikut:

1. Bilangan pelajar yang mempunyai jantina yang sama akan merumitkan data yang dikumpul. Jika dalam kajian pengkaji mempunyai pelajar perempuan yang banyak, ini akan memberi kesan terhadap data kajian.

2. Kemudahan infrastruktur seperti penggunaan komputer bagi setiap sampel kajian juga menjadi salah satu batasan untuk kajian ini. Ini adalah kerana sepanjang kajian ini, sampel kajian menggunakan kemudahan komputer untuk menyiapkan sebarang tugasan yang diberi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Simulasi

Menurut Rozinah (2005) simulasi adalah satu animasi tingkah laku sesuatu keadaan sebenar. Beliau menyatakan simulasi menarik perhatian isi kandungan skrin dengan memberi visual atau grafik yang bergerak serta bunyi dan muzik yang menarik.

Selain itu, simulasi juga merupakan sebuah usaha untuk menyalin fitur, tampilan, dan karateristik sebuah sistem nyata. Menurut Subagyo (1986:291) simulasi adalah duplikasi daripada persoalan dalam kehidupan nyata ke dalam model-model matematik. Menurut Nasution dan Baihaqi (2007:1) simulasi merupakan suatu aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menirukan operasi dan perilaku daripada berbagai seperti situasi nyata. Keadaan nyata yang akan disimulasikan itu dinamakan sistem, di mana untuk mempelajarinya diperlukan berbagai andaian.

Shaharuddin et.al (2007) mendefinisikan simulasi sebagai pendekatan eksperimental. Keterbatasan metod analisis dalam mengatasi sistem dinamik yang kompleks membuat simulasi sebagai alternatif terbaik.

Dalam kajian ini simulasi adalah satu alat yang berinteraktif iaitu PhET. Simulasi PhET ini akan menyediakan keseronokan kepada pelajar. Pengkaji menggunakan tajuk Hukum Newton dalam simulasi PhET. Pelajar akan menggunakan simulasi tersebut dan membuat latihan yang terdapat dalam manual simulasi PhET. Pelajar akan mendapat jawapan sendiri melalui simulasi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Pencapaian Fizik

Pencapaian adalah suatu ukuran individu tentang aspek yang diketahui setelah mengikuti sesuatu kursus atau latihan (Linn dan Gronlund, 2000). Dalam kajian ini, ujian pencapaian dijalankan sebelum dan selepas kajian dijalankan. Ujian pencapaian pra adalah untuk mengetahui pengalaman yang sedia ada pada sampel kajian tentang tajuk yang hendak dipelajari. Manakala ujian pencapaian pasca adalah untuk mengetahui apa yang telah mereka pelajari dan fahaminya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, ujian pra dan ujian pasca dijalankan bagi tajuk Hukum Newton. Sebelum setiap tajuk diajar sampel kajian diberi ujian pra dan pada penghujung tajuk ujian pasca diberi. Setiap ujian mempunyai dua bahagian iaitu bahagian aneka pilihan dan struktur. Terdapat 10 soalan aneka pilihan dan satu soalan struktur. Ini adalah kerana pelajar diberi satu jam untuk menjawab soalan tersebut dan ia adalah salah satu ujian topikal.

1.10.3 Persepsi tentang penggunaan simulasi PhET

Persepsi merupakan pandangan seorang individu terhadap sesuatu perkara tertentu. Menurut Freedman (1997), persepsi merupakan salah satu sikap dalam domain efektif pembelajaran. Dalam kajian ini, persepsi diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dari kajian Ghazali bin Abdul Haid, (2013) dan diubahsuai. Jumlah item dalam soal selidik ialah 19. Persepsi ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu yakin, suka, bimbang dan sikap menolak terhadap penggunaan simulasi PhET ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Bab ini telah pun menerangkan beberapa perancangan awal penyelidikan seperti tujuan kajian ini dan rasional kepada kepentingan kajian khasnya untuk guru fizik, pihak sekolah dan sebaginya. Dalam bab ini, pembolehubah tidak bersandar yang difokuskan dalam persoalan kajian dan hipotesis kajian ini adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan simulasi. Manakala dalam pembolehubah bersandar pula, faktor yang diperhatikan ialah pencapaian fizik dan persepsi pelajar selepas melalui rawatan.

Dalam bab berikutnya, kajian-kajian lepas berkaitan dengan teori-teori pembelajaran akan dikaitkan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran fizik dan akan dihuraikan dengan lebih terperinci. Perkaitan teori diharapkan akan dapat mengukuhkan rasional kajian dan pembuktian hipotesis dalam bab seterunsya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik dari dalam dan luar negara. Bab ini juga membincangkan konsep teori pembelajaran yang berkaitan dengan kajian dan huraian soroton kajian yang lepas tentang penggunaan ICT dalam pendidikan, multimedia, simulasi dan PhET dalam pengajaran dan pembelajaran terutama sekali dalam mata pelajaran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Konsep Teori Pembelajaran

Teori pembelajaran adalah kerangka konseptual di mana pengetahuan diserap, diproses, dan dikekalkan semasa pembelajaran. Pengaruh kognitif, emosi, dan alam sekitar, serta pengalaman terdahulu, semuanya memainkan peranan dalam pemahaman sesuatu konsep. Teori pembelajaran melalui kognitif adalah salah satu teori yang sering didengari oleh para pendidik. Ia telah dipelopori oleh Kohler, Tolman, Piaget, Gagne, Bruner, Ausubel, dan Flavell (Mok Soon Sang, 2008).

Kognitivisme adalah salah satu teori pembelajaran di mana semua idea dan imej dalam minda seseorang individu diwakili melalui skema. Penggerak utama kognitivisme adalah Jean Piaget. Idea utama kognitivisme adalah perwakilan mental. Semua idea dan imej dalam minda seseorang individu diwakili melalui struktur mental yang dikenali sebagai skema. Skema menentukan bagaimana data dan maklumat yang diterima difahami oleh minda manusia. Jika maklumat baru sama dengan skema, maka maklumat itu akan diterima. Jika tidak, maklumat itu ditolak atau diubah suai, atau skema diubah suai.

Salah seorang individu yang penting menyumbang kepada pembentukan teori konstruktivisme ialah Lev Vygostsky (1978). Mengikut Warrick (2007), teori Vygostsky juga dikenali sebagai "*founding father of social constructivism*". Ia melibatkan pengetahuan yang dibina oleh proses pengalaman, kematangan individu, aktiviti pembelajaran yang menekankan hubungan interaksi dalam kumpulan sosial. Mengikut Zurinda Ismail, Sharifah Norhaidah Syed Idros dan Mohd Ali Samsudin (2006) konstruktivisme sosial mempunyai impak yang besar kepada teori pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran adalah proses sosial dan bukan sahaja melibatkan di dalam individu tetapi juga dibentuk oleh persekitaran luar (Mahon, 1997).

Teori konstruktivisme sering dikaitkan dengan pendidikan, tetapi sebenarnya ia adalah satu falsafah pengetahuan. Konstruktivisme bukan teori pengajaran tetapi teori pengetahuan dan pembelajaran (Warrick, 2007). Teori ini ditemui oleh golongan pendidik sebagai satu kaedah berfikir tentang pengajaran dan pembelajaran. Seorang ahli falsafah dan ahli pendidikan Amerika John Dewey (1859 -1952) yang membincangkan teori konstruktivisme mengatakan semua pengetahuan dibina oleh orang yang ingin tahu. Pengetahuan adalah hubungan antara individu, komuniti dan dunia melalui interaksi sosial (Warrick, 2007). Dalam perspektif konstruktivisme, pengetahuan bukan wujud di luar individu tetapi sebenarnya dibina oleh individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar terlibat secara aktif untuk merangsangkan pengaliran input deria (hidu, lihat, rasa, dengar dan sentuh) secara berterusan (Ramlah dan Mahani, 2002). Tokoh pendidikan Piaget (1964) mengakui bahawa permainan dan simulasi adalah salah satu aspek yang penting dalam pendidikan kerana kedua-duanya banyak mempengaruhi perkembangan manusia terutamanya kanak-kanak. Mohd.Arif (1996) menegaskan bahawa permainan memainkan peranan penting terutamanya dalam pembinaan domain-domain kognitif, afektif dan psikomotor kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Teori Kognitif

Teori kognitif adalah salah satu daripada teori pembelajaran yang mempertimbangkan bagaimana ingatan manusia berfungsi untuk mempromosikan pembelajaran. Ia melibatkan proses mental dalaman seperti pemahaman, pemprosesan maklumat, ingatan dan persepsi di mana pendidik memberi tumpuan kepada membina kecerdasan dan pembangunan kognitif.

Teori kognitif ini mementingkan pemikiran secara logikal dan pemikiran analisis dan intuitif. Piaget mementingkan aspek-aspek seperti suasana pembelajaran yang kondusif serta mengajar sesuatu konsep dalam struktur dan bentuk pengetahuan yang sistematik dalam teori penemuannya (Ee Ah Meng, 1995). Perkembangan kognitif adalah dalam teori Jean Piaget. Melalui beberapa peringkat, Piaget mencadangkan empat peringkat perkembangan kognitif:

a) operasi sensorimotor

b) pra operasi

c) konkrit

d) tempoh operasi formal

Tahap sensorimotor adalah yang pertama dari empat tahap dalam perkembangan kognitif dan pada tahap ini, bayi secara progresif membina pengetahuan dan pemahaman dunia dengan menyelaraskan pengalaman (seperti penglihatan dan pendengaran) dengan interaksi fizikal dengan objek (seperti menggenggam, menghisap, dan melangkah). Bayi memperoleh pengetahuan tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dunia dari tindakan fizikal yang mereka lakukan di dalamnya. Mereka maju dari tindakan refleksif, naluri ketika lahir hingga awal pemikiran simbolik ke arah akhir panggung.

Kanak-kanak belajar bahawa mereka berasingan dari alam sekitar. Mereka boleh memikirkan aspek alam sekitar, walaupun ini mungkin berada di luar jangkauan deria kanak-kanak. Pada tahap ini, menurut Piaget, perkembangan objek kekal merupakan salah satu pencapaian yang paling penting. Objek kekal adalah kefahaman kanak-kanak bahawa objek terus wujud walaupun dia tidak dapat melihat atau mendengarnya.

Tahap terakhir dikenali sebagai tahap operasi formal (remaja dan dewasa, kira-kira umur 11 hingga kira-kira 15-20). Kepintaran ditunjukkan melalui penggunaan logik simbol yang berkaitan dengan konsep abstrak. Bentuk pemikiran ini merangkumi "andaian yang tidak mempunyai kaitan dengan realiti yang perlu." Pada ketika ini, orang itu mampu bersikap hipotesis dan deduktif. Pada masa ini, orang membangunkan kemampuan untuk berfikir tentang konsep abstrak.

Dalam kajian ini teori kognitif digunakan kerana ia melibatkan simbol, gambar dan bunyi yang interaktif di mana ia dapat menarik perhatian pelajar bagi lebih memahami konsep fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Teori Tingkahlaku

Teori perkembangan Albert Bandura atau teori tingkah laku (1925) lebih dikenali dengan teori sosial kognitif Bandura. Ia lebih menerangkan perkembangan individu dari sudut pembelajaran. Teori ini adalah berpandukan perkembangan pembelajaran melalui pemerhatian atau imitasi. Pembelajaran jenis ini melibatkan proses memberi perhatian, mengingat, melakon dan memurnikan dalam minda dan melakonkan semula. Mengikut Bandura, efikasi kendiri merupakan sebahagian daripada proses perkembangan individu. Efikasi kendiri merujuk kepada penilaian sendiri tentang keberkesanan dan kecekapan diri individu itu. Penilaian itu penting untuk menentukan apa yang harus dilakukan atau tidak patut dilakukan, sejauh mana usaha mesti ditingkatkan dan juga perasaan tentang diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, seseorang individu mengubah sikap, persepsi dan tabiatnya disebabkan adanya faktor-faktor pengukuh yang mempengaruhi perilakunya. Menurut teori Bandura, ada dua jenis faktor pengukuh. Yang pertama ialah faktor-faktor di luar diri seseorang, iaitu perkara-perkara yang dialaminya secara langsung akibat perilakunya. Sebagai contoh faktor pengukuh itu ialah menerima pujian selepas seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang baik. Faktor kedua ialah faktor-faktor yang datang daripada sistem-sistem seperti konsep diri dan keyakinan diri yang wujud di dalam jiwa setiap individu. Sistem ini dipengaruhi oleh persepsi, sikap, perilaku, dan tabiat seseorang invidu berkenaan (Eh Ah Meng, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gagne, (1985) menyatakan sikap atau persepsi merujuk kepada keadaan dalaman yang mempengaruhi pilihan tindakan peribadi terhadap objek, orang perseorangan atau peristiwa. Penekanan ialah kesannya terhadap tingkahlaku iaitu pilihan tindakan yang dilakukan oleh individu. Hasil daripada perlakuan atau tingkahlaku seseorang individu merupakan tanda rujukan tentang persepsi individu. Secara umumnya, tindakan setiap individu amat dipengaruhi oleh persepsi. Persepsi boleh dipelajari daripada pelbagai cara dan dapat dikuasai melalui pengalaman dan pemerhatian.

Dalam kajian ini, teori ini sangat berguna bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penggunaan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran Fizik mempengaruhi persepsi seseorang pelajar untuk mencapai pencapaian yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teori Dua Kord

Teori pengekodan dwi yang dicadangkan oleh Paivio cuba memberikan berat yang sama kepada pemprosesan lisan dan bukan lisan. Paivio (1986) menyatakan minda manusia adalah unik kerana ia telah menjadi khusus untuk menangani secara serentak dengan bahasa dan dengan objek dan peristiwa non verbal. Selain itu, sistem bahasa adalah khas kerana ia berurusan secara langsung dengan input dan output linguistik (dalam bentuk ucapan atau tulisan) dan pada masa yang sama memberikan fungsi simbolik berkenaan dengan objek, peristiwa, dan tingkah laku non verbal. Sebarang teori perwakilan mesti menampung fungsi ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori pengekodan dua digunakan untuk banyak fenomena kognitif termasuk: mnemonik, penyelesaian masalah, pembelajaran konsep, dan bahasa. Teori pengekodan dua mengandaikan kepentingan kebolehan spatial dalam teori kecerdasan. Clark & Paivio (1991) kini mempunyai dua teori pengekodan sebagai rangka kerja umum untuk psikologi pendidikan.

Bagi sesetengah pelajar, mereka mudah menjalani pembelajaran melalui penglihatan. Guru perlu bijak memilih bahan-bahan terutama daripada aspek keberkesanan bahan-bahan untuk menyalurkan isi pelajaran yang hendak disampaikan dan bagaimana bahan-bahan itu dijadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran. Pelajar dalam kelompok visual ini mudah terangsang dan terdorong untuk memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru sekiranya guru menggunakan bahan-bahan visual yang menarik. Mengikut Noriati (2009) hampir 69% pelajar lebih kerap menggunakan imej visual dan mereka lebih suka membaca imej, carta, rajah, dan animasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, teori ini sangat berguna kerana simulasi PhET juga mempunyai pemprosesaan lisan dan bukan lisan.

2.6 ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran

ICT adalah ringkasan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (Information & Communication Technology). Menurut William, Sawyer dan Hutchinson (2003), ICT adalah satu sistem komunikasi yang bersistematik dan berasaskan sistem komputer.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam revolusi ICT ini, maklumat dan media atau teknologi manipulasikan maklumat di mana penyelesaian masalah dan idea baru dapat dicetuskan melalui simulasi, pentas, dan acara hiburan. ICT digunakan dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, perubatan, dan pendidikan.

Mengikut Sidawi (2005), penerapan ICT adalah pengetahuan dalam bidang teknologi termasuk mempelajari proses merancang dan komponennya, pemilihan bahan yang tepat dan pelbagai kaedah bergabung dengannya serta pemilihan perkakasan yang tepat dan mengetahui bagaimana menggunakannya. Bahagian Pengurusan Guru (2001) dalam Modul Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran pula menyatakan bahawa penggunaan ICT secara berfikrah, terancang dan bersesuaian dengan keperluan dalam pembelajaran mempunyai lebih kelebihan iaitu ianya berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ICT digunakan sebagai alat dalam proses pendidikan seperti untuk menyebarkan maklumat melalui audio, video dan dokumen daripada internet, bahan rujukan dan sebagainya. Kedua, ICT juga dapat mewujudkan situasi untuk pelajar mengalami kehidupan sebenar dalam bentuk simulasi secara maya. Di samping itu, ICT digunakan untuk memanipulasi dan menganalisis data serta membantu dalam mewujudkan komunikasi tanpa sempadan dan masa (Noriati, 2010). Mengikutnya penggunaan ICT dalam pendidikan memperkembangkan kemahiran aras tinggi seperti kolaborasi di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat dan masa serta penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, ICT juga dapat memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua pelajar dari pelbagai keupayaan, membolehkan pembelajaran kendiri dan membolehkan pelajar mengumpul maklumat tanpa memerlukan masa yang lama atau terlalu mahal (Bahagian Pengurusan Guru, 2001). Kenyataan ini juga disokong oleh Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Manimegalai Subramaniam (2006) yang menjelaskan peranan teknologi dalam bidang pendidikan dapat mempertingkatkan keberkesanan daripada segi kualiti, masa, kos dan bilangan pelajar dapat mengurangkan kebergantungan pelajar terhadap guru.

Manakala, Barron (2006) menerangkan bahawa teknologi yang interaktif menyumbangkan rangsangan suasana yang menggalakkan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. ICT juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar serta membolehkan pelajar mencuba atau melaksanakan eksperimen yang sukar, terlalu mahal, mustahil atau bahaya untuk dilaksanakan dengan cara biasa (Barron, 2006). Ini adalah kerana tradisionalnya, guru sains melihat isi pelajaran dan proses penemuan sebagai keutamaan dan apabila kedua-duanya seimbang objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai (Edelson, 2001). Tetapi apabila pelajar sains berada dibawah tekanan piawaian yang baru dan prestasinya mendatar, maka ianya memerlukan cara baru untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran (Edelson, 2001).

Roth (2001) merumuskan bahawa perancangan pelbagai aktiviti berdasarkan teknologi memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran Sains. Apabila pelajar merancang dan membangunkan teknologi, mereka dapat membina idea yang luar biasa. Secara tidak langsung, penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dapat meningkatkan daya kreativiti, imaginasi, motivasi serta memberi peluang kepada pelajar belajar secara berkesan. Penggunaan ICT dapat memberi faedah kepada guru dan pelajar iaitu ICT sebagai bahan pengajaran dan mewujudkan suasana perkongsian pembelajaran dapat meningkatkan motivasi dalam pembelajaran, pemikiran kreatif, dan pemahaman yang mendalam serta aktif dan pembelajaran kolaboratif (Jonassen, 2000).

Lebih-lebih lagi, Garry dan Melissae (2002) menyatakan bahawa antara kesan teknologi kepada pencapaian Sains ialah penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains bertujuan pelajar menguasai fakta saintifik dan memberi mereka pengalaman proses saintifik. Rusmimi Ku Ahmad (2003) menyatakan bahawa ICT menyediakan kaedah pembelajaran dengan memberi penekanan kepada penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif selain daripada menerima ilmu secara sehala sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ICT mempunyai potensi besar untuk mempengaruhi fenomena sekolah terutamanya budaya sekolah. Mengikut Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025 (2013), anjakan ketujuh menyatakan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Ini adalah kerana kementerian mahu memastikan pelajar tidak hanya belajar menggunakan ICT tetapi juga boleh memanfaatkannya secara berkesan bagi meningkatkan pembelajaran mereka. Oleh itu, pelaksanaan ICT adalah sumbangan ketara kepada pembangunan sekolah-sekolah. Teknologi sering dilihat sebagai sesuatu di luar sekolah sebelum ini. Kini ia perlu dilihat sebagai satu bahagian penting di sekolah. ICT telah menjadi alat bantu mengajar yang berkesan atau bermaksud membawa perubahan positif kepada pelajar-pelajar. Pengenalan ICT di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah-sekolah adalah satu proses yang tidak berakhir kerana ICT sentiasa berkembang dan akan terus berkembang dan dinaik taraf (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2008).


Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) memerlukan perbincangan atau penyelidikan. Proses penyelidikan dalam P&P biasanya akan melibatkan interaksi bersemuka antara guru dengan pelajar (Koh Boh Boon, 2010). Walaubagaimanapun, dengan perubahan dalam teknologi maklumat, aspek bersemuka adalah tidak lagi relevan sepenuhnya dalam penyelidikan. Proses penyelidikan juga boleh berlaku melalui manipulasi teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT). Ia juga merupakan pemangkin dalam penyelidikan pelajar (Ehwan Supangat 2005). Konsep pembelajaran dengan menggunakan internet juga tidak baru. Sejak tahun 1997 kerajaan Malaysia telah melancarkan Sekolah Bestari (Smart School Malaysia) selaras dengan idea Koridor Raya Multimedia (MSC).

2.7 Multimedia

Multimedia bermaksud penggunaan alatan media dalam pelbagai cara komunikasi. Multimedia merupakan penggunaan komputer bagi mempersembahkan dan menggabungkan teks, grafik, audio, dan video yang menghubungkan dengan alatan yang membolehkan pengguna mengarah, berinteraksi, mereka cipta, dan berkomunikasi (Rozinah Jamaludin, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Komponen multimedia

Mengikut McGloughlin (2001), multimedia merupakan persembahan dalam komputer dengan menggunakan komponen-komponen seperti bunyi, teks, grafik, interaktif, animasi, dan video. Penggunaan multimedia dalam pendidikan amat berguna kerana ia adalah :

a) interaktif

b) pengguna mesra

c) bermakna dan mudah digunakan

d) interaksi kendiri

e) kos yang rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh multimedia yang digunakan dalam pendidikan adalah perisian power point, perisian word, excel, penggunaan internet, dan simulasi. Sistem media menawarkan keupayaan teknologi yang paling berkuasa termasuk motivasi, pembangunan kemahiran, pemikiran yang kreatif dan kritikal dan penambahbaikan kemahiran menulis. Dengan integrasi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran, ia menjadi efektif. Persembahan interaktif dengan pilihan yang sesuai berdasarkan kepada tahap kemasukan pelajar. Pengajaran simulasi komputer dapat dijalankan tanpa membahayakan diri seseorang. Selain itu, realiti maya dan latihan eksperimen tiga dimensi boleh disimulasikan dalam keadaan yang realistik (Rozinah Jamaludin, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Simulasi

Simulasi mempunyai elemen-elemen dunia sebenar dan dapat dibentuk serta dipersembahkan di dalam bilik darjah. Percubaan untuk menyamakan keadaan sebenar dapat dilaksanakan supaya pelajar dapat menguasai konsep yang diajar serta berupaya untuk memindahkannya ke situasi sebenar (Noriati, 2009). Menurut Bitter dan Legacy (2008), simulasi adalah kaedah peniruan sesuatu situasi atau objek. Simulasi ialah suatu perwakilan atau model sesuatu peristiwa, objek atau fenomena (Norton & Wiburg, 2003; Norton & Sprague, 2001; Simonson & Thompson, 1994). Simulasi juga adalah abstrak atau peringkasan sesuatu situasi atau proses kehidupan sebenar (Smaldino, 2005). Manakala mengikut Alessi & Trollip (2001), simulasi adalah satu pembelajaran yang baik dalam memindahkan kemahiran dan pengetahuan ke dunia sebenar. Kenyataan ini disokong oleh Geisart dan Futrell (2000) di mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bukunya menyatakan bahawa dalam simulasi, komputer tidak hanya menyajikan sebuah situasi yang telah ditetapkan. Kekuatan simulasi adalah kenyataan bahawa respons komputer bergantung kepada pilihan pelajar dan tidak ditetapkan sendirinya. Simulasi meniru kenyataan dan hasilnya bergantung pada keputusan dan tindakan pengguna.

Bitter dan Legacy (2008) menyatakan simulasi digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi :

a) memvisualisasikan pembolehubah yang tidak kelihatan
b) memanipulasikan pembolehubah
c) memerhatikan keputusan dan membuat kesimpulan
d) memudahkan peranan bermain
e) meniru situasi sebenar
f) melibatkan penyertaan berganda

Selain daripada itu, Norton dan Sprague (2001) menyatakan bahawa simulasi paling baik digunakan apabila para pelajar itu telah menguasai satu set konsep pelajaran dan bersedia untuk mendapatkan lebih pengetahuan dari apa yang diperolehinya. Ini kerana pembelajaran melalui penerokaan meletakkan satu tuntutan kognif pelajar yang tinggi di kalangan pelajar yang tidak mahir dan dalam pembelajaran yang tidak berkesan. Pelajar-pelajar yang telibat dapat membuat perubahan secara rawak atau memanipulasi pembolehubah-pembolehubah dan nilai-nilai parameter yang terdapat dalam simulasi tersebut. Melalui program simulasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar dapat memahami konsep dan membentuk kemahiran berfikir aras tinggi (Williams, 2000).

Sehubungan dengan itu, Siew Nyet Moi dan Sopiah Abdullah (2005) menyatakan simulasi komputer berasaskan penemuan dengan perbezaan keupayaan dalam kaedah pembelajaran koperatif adalah merupakan satu cara yang sangat berkesan untuk meningkatkan keupayaan pelajar –pelajar dalam penaakulan saintifik dan penataran konsep. Program simulasi komputer berasaskan penemuan membolehkan pelajar dapat menguasai konsep Fizik dengan lebih mendalam lagi. Ini bertepatan dengan kenyataan Alessi dan Trollip (2001) yang menjelaskan bahawa simulasi diterima sebagai suatu yang lebih menarik dan bermotivasi berbanding dengan metodologi yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Norton dan Wiburg (2003) menyatakan simulasi adalah strategik pengajaran yang unik kerana ianya merupakan perwakilan realiti dan lebih konsisten. Program simulasi ini juga dapat menjimatkan masa, wang, menghindarkan risiko dan pelajar mudah membuat keputusan dalam sesuatu situasi yang dikaji. Pelajar juga mudah membuat ulangan eksperimen yang dikehendaki seberapa yang diingini (Norton & Wiburg, 2003; Alessi & Trollip, 2001).

Pelbagai jenis aplikasi virtual makmal telah dibangunkan secara meluas. Simulasi Fizik yang dipilih untuk projek ini disediakan dalam talian secara percuma oleh PhET. Contohnya ialah Projek Simulasi Interaktif di Colorado University. Tujuan utama simulasi PhET dalam kajian ini adalah untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran Fizik. Semasa mengendalikan simulasi ini, pelajar boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan hipotesis, perhatikan proses saintifik, memanipulasikan pembolehubah dan memahami konsep Fizik dengan kaedah yang interaktif. Contoh paparan simulasi PhET ialah:



Rajah 2.2. Simulasi PhET

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan yang dijalankan oleh PhET (Finkelstein, Perkins, Adams, Kohl, & Podolefsky, 2004) menunjukkan bahawa simulasi ini boleh digantikan dengan berkesan untuk peralatan makmal sebenar dalam Fizik. Ia menyokong interaktif dan pendekatan kontruktivis, memberi maklum balas, dan menyediakan kerja kreatif. Selain itu, beliau menyatakan PhET mengandungi simulasi Fizik untuk tujuan pembelajaran di dalam kelas atau pembelajaran individu.

Menurut Sugiarti (2015) simulasi PhET adalah satu bentuk perisian multimedia yang memberikan kemudahan kepada pelajar untuk belajar. Beliau menyatakan PhET ini meningkatkan kecekapan, motivasi, dan memudahkan pembelajaran aktif kajian eksperimen, selari dengan pembelajaran berpusatkan pelajar dan panduan untuk mempelajari dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Okimustava, Ishafit, Suwondo, Resmiyanto & Praja (2014) menyatakan simulasi interaktif PhET adalah gambar bergerak (animasi), interaktif dan dibuat seperti permainan di mana pelajar boleh belajar dengan melakukan penerokaan sendiri. Pernyataan beliau juga disokong oleh Eko Sumargo dan Leny Yuanita (2014). Dalam kajiannya menyatakan bahawa simulasi PhET merupakan simulasi animasi yang dibangunkan untuk membantu memahami konsep visual. Selain itu, simulasi PhET animasikan apa yang dapat dilihat dengan mata melalui penggunaan grafik dan intuitif kawalan seperti klik dan seret bagi memanipulasikan pembolehubah dalam simulasi PhET. PhET mudah untuk digunakan dan diaplikasikan dalam bilik darjah. Simulasi PhET memerlukan program Java yang telah dipasang dalam komputer. Selain itu, PhET juga boleh terus digunakan dalam laman https://PhET.colorado.edu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadi penyelidik boleh menggunakan simulasi untuk mengajar amali atau eksperimen dalam mata pelajaran Fizik supaya pelajar dapat memanipulasikan pembolehubah dengan sendiri. Melalui ini mereka dapat menguasai sesuatu konsep Fizik yang berkaitan dengan eksperimen dengan lebih baik.

2.9 Kajian-Kajian Lepas

Menurut Hajira Bee dan Ng (1999) menyatakan kaedah simulasi dijangka mampu menambahkan kefahaman pelajar yang lemah tentang sesuatu konsep Sains yang abstrak kerana konsep tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui simulasi yang dijalankan. Manakala mengikut Pendidikan Sains Kebangsaan (NSES) dan Persatuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru-Guru Sains Kebangsaan (NSTA) 2001, simulasi berkomputer telah mendatangkan satu perubahan baru dalam pendidikan Sains, khususnya dalam mentakrifkan peranan guru-guru dan menyusun pembelajaran di dalam kelas.

Simulasi berkomputer berfungsi untuk menambahkan lagi pembelajaran Sains di dalam bilik darjah sama ada sebelum atau selepas penyempurnaan arahan yang sama menjadi fokus utama kebanyakkan pengkaji (Brant, Hooper & Sugwe, 1991 ; Akpan, 2001). Simulasi telah digunakan untuk mengajar para pelajar mengenai kardiovaskular. (Windshitl & Andre, 1996), api (Olson, 1992), halaju (Zeitsman & Hewson, 1986) dan elektrik (Carlsen & Andre, 1992).

Selain itu, simulasi Sains boleh menjadi alat yang lebih berkesan dalam membantu pelajar-pelajar memahami dan mengaplikasikan amali secara pemikiran saintifik (Coleman, 1998; Akpan, 1999 ; 2001; Akpan & Andre,2000). Simulasi berkomputer adalah baik untuk pemikiran abstrak kerana membantu pelajar membina pertalian utama yang melibatkan konsep-konsep yang akademik seperti Biologi, Fizik, dan Ekonomi (Rebore & Travers, 2000).

Menurut Noor Azean & Andrew (2010) semua guru di Malaysia disarankan menggunakan teknologi pendidikan komputer kerana melalui kajian-kajian yang telah dibuat ternyata ia dapat membantu dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran berkesan. Dalam kajian Ismail (1994), beliau menyatakan reka bentuk dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar kerana pengajaran akan menjadi lebih tersusun dan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan amalan kerja amali adalah untuk menarik kepada mata pelajaran Fizik, memahami suatu konsep dengan lebih baik, meningkatkan kemahiran saintifik dan membuka minda (Hanizah & Shaharom, 2008). Pendapat ini disokong oleh Priscilla, 1997 dengan menyatakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan sewaktu kerja amali memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaitkan pengalaman sebenar kepada penerangan saintifik.

Perkins, Adams, Dubson, dn Finkelstein (2006), telah menjalankan satu kajian simulasi interaktif (PhET) dan pengajaran dan pembelajaran ke atas pelajar. Simulasi PhET ini dikaji semasa mengadakan kuliah Fizik dan juga semasa pelajar membuat kerja rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Dapatan kajian Perkins, Adams, Dubson, & Finkelstein (2006)

Sangat berguna dalam pembelajaran menggunakan simulasi PhET	62%
Berguna dalam pembelajaran menggunakann simulasi PhET	22%
Sangat berguna simulasi PhET dalam kerja rumah	49%
Berguna simulasi PhET dalam kerja rumah	24%
Kurangkan penggunan buku teks	52%
Penggunaan buku teks	27%

Daripada jadual ini mendapati, simulasi PhET sangat bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Rumusan

Pelbagai kajian telah dijalankan di negara ini untuk mengatasi masalah pelajar dalam mata pelajaran Fizik bagi meningkatkan penguasaan sesuatu konsep. Beberapa kajian juga telah dijalankan seperti tayangan video bersama audio, perisian komputer, kepelbagaian aktiviti, mengurangkan objektif pengajaran dalam pengajaran seharian dan sebagainya. Tetapi masih tidak dapat mengatasi masalah pelajar di mana meraka dapat memahami sesuatu konsep dengan lebih mendalam. Ini kemungkinan berlaku kerana para guru masih tidak menggunakan strategik atau teknik yang lebih sistematik dan betul mengikut aliran zaman sekarang bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidk berharap penggunaan simulasi PhET sebagai bahan bantu mengajar yang beranimasi akan dapat membantu para pelajar supaya mereka dapat menguasai konsep-konsep dalam tajuk tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Metodologi kajian merujuk kepada perbincangan mengenai kaedah-kaedah dalam penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian. Dalam bab ini, pengkaji membincangkan reka bentuk kajian dengan terperinci selain daripada aspek-aspek sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur kajian dan analisis data adalah yang penting untuk memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca tentang apa yang ingin disampaikan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2005). Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses mengumpul, menganalisis, dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk penyelidikan juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat inferens berkenaan pembolehubah yang dikaji.

Kaedah eksperimen merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang paling berstruktur kerana kawalan dan prosedurnya dapat dikawal (Noraini, 2010). Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen yang menjelaskan hubungan sebab dan akibat. Kajian kawalan kuasi eksperimen dijalankan ke atas pembolehubah-pembolehubah sesuatu situasi yang dimanipulasikan oleh penyelidik.

Jenis reka bentuk yang dipilih dalam kajian ini ialah reka bentuk kuasi eksperimen. Ujian pra-pasca dijalankan bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang (Fraenkal & Wallen, 2009). Reka bentuk ini melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan ini diuji dengan ujian yang sama sebelum dan selepas pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran, kumpulan rawatan adalah kumpulan yang diajar berbantukan simulasi PhET, manakala kumpulan kawalan pula diajar dengan kaedah konvensional. Reka bentuk ini dipilih supaya penyelidik dapat memperolehi kesan daripada kedua-dua kaedah pengajaran tersebut. Reka bentuk kajian ini adalah seperti berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1.

Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen

Kumpulan rawatan	O_1	X	O_2
Kumpulan kawalan	O_1	C	O_2

Nota: O_1 = Ujian pra

O_2 = Ujian pasca

X = Kaedah simulasi (PhET)

C = Kaedah konvensional

(Sumber : Fraenkal & Wallen, 2009)

3.3 Persampelan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemilihan reka bentuk kuasi eksperimen dijalankan kerana kekangan kehendak pentadbir sekolah yang telah menetapkan jadual waktu dan penggunaan kelas sedia ada. Jadi, kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Untuk tujuan ini, penyelidik memilih dua kelas daripada empat kelas tingkatan empat secara rawak mudah dari Sekolah Menengah Kebangsaan.

Jadual 3.2.

Persampelan Kajian

Sekolah	**Bilangan Kelas**	**Sampel kajian**	
		Kumpulan kawalan	**Kumpulan rawatan**
Sekolah Menengah Kebangsaan	2	20	20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Reka bentuk kuasi eksperimen ini melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Ujian-t dijalankan dengan menggunakan markah bagi mata pelajaran Sains Percubaan PT3 (2015). Ujian-t digunakan supaya dapat mengenalpasti kedua-dua kelas yang sedia ada yang digunakan adalah sama rata dari segi kepintaran.

Jadi satu kelas dijadikan sebagai kumpulan kawalan dan satu lagi sebagai kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan diajar menggunakan kaedah konvensional sementara kumpulan rawatan diajar menggunakan simulasi PhET.

Penyelidik menggunakan kelas yang sedia ada di sekolah. Seramai 40 sampel kajian dipilih secara rawak mudah iaitu 20 sampel kajian sebagai kumpulan rawatan dan 20 sebagai kumpulan kawalan. Ujian-t bersandar dijalankan untuk menentukan ketaksamaan sampel di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Nilai t bagi kedua-dua kumpulan mempunyai lebih daripada 0.05 maka ini menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah setaraf sebelum kajian dijalankan. Nilai t ini dinilai daripada markah ujian percubaan PT3 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

i. Ujian pra (Hukum Newton) (lihat Lampiran A1) - dijalankan untuk mengukur pencapaian awal sampel
ii. Ujian pasca (Hukum Newton) (lihat Lampiran A2) – dijalankan untuk mengukur pencapaian akhir selepas rawatan
iii. Soal selidik (lihat Lampiran B1)- dijalankan untuk mengukur persepsi pelajar terhadap simulasi PhET

Instrumen-instrumen tersebut dibina dan digunakan dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pencapaian markah ujian sampel kajian dan persepsi mereka terhadap penggunaan simulasi PhET.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Ujian Pencapaian Fizik (Ujian Pra dan Pasca)

Instrumen kajian ini dibina untuk mengukur tahap pencapaian sampel kajian bagi sebelum dan selepas rawatan bagi kedua-dua kumpulan. Ujian ini direka bentuk mengikut aras Bloom Taxonomy di mana soalan-soalan dalam ujian tersebut menilai kefahaman dan aplikasi sampel kajian dalam tajuk Hukum Newton. Soalan-soalan dalam ujian tersebut diambil daripada kertas peperiksaan sebenar Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tahun-tahun lepas. Ujian pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan sebelum pengajaran dan pembelajaran dimulakan dan ujian pasca dijalankan pada penghujung pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembinaan instrumen ujian pencapaian dirancang dengan baik supaya ia sesuai dan berguna bagi mendapatkan pencapaian sebenar sampel kajian. Langkah-langkah dalam pembinaan ujian pencapaian adalah seperti tujuan ujian, isi kandungan ujian, jadual spesifikasi ujian, dan sumber ujian.

3.4.1.1 Tujuan Ujian

Ujian pra dijalankan bagi mengetahui pengetahuan sedia ada pada sampel kajian terhadap tajuk yang hendak diajar. Ujian pasca pula dijalankan bagi mengetahui kesan daripada penggunaan simulasi PhET dalam kumpulan rawatan dan pengajaran konvesional dalam kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.2 Isi Kandungan Ujian

Ujian pra dan ujian pasca mengandungi 15 soalan dan satu soalan subjektif. Mengikut aras Taxonomi Bloom, terdapat enam aras iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian. Semua aras diuji dalam ujian pra dan ujian pasca ini adalah dari tajuk Hukum Newton.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.3 Penilaian Aras Item

Ujian adalah salah satu instrumen yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data bagi melihat kesan penggunaan simulasi PhET dalam pencapaian mata pelajaran Fizik tingkatan empat. Ujian pra dan pasca ini direka bentuk mengikut aras Taksonomi Bloom. Soalan yang dibina telah diberi kepada tiga panel pakar untuk menilai aras bagi setiap soalan dalam ujian pra dan pasca bagi tajuk Hukum Newton.

Jadual 3.3

Penilaian Aras Terhadap Soalan oleh Panel Pakar bagi Tajuk Hukum Newton (Ujian Pencapaian Pra dan Pasca)

Bil	Soalan	Pemeriksa 1	Pemeriksa 2	Pemeriksa 3
Bahagian A (Aneka Pilihan)				
1	Which acceleration-time graph represents the same motion as the object?	5	5	5
2	Diagram 2 shows the velocity-time graph for motion of an object. What is the total distance, in m, travelled by the object in 8 s?	3	3	3
3	Diagram 3 shows a velocity-time graph. The gradient of the graph represent the acceleration. Which quantity is the manipulated variable?	2	1	2
4	Diagram 4 shows a velocity-time graph for a motion of an object. What is the displacement for the object?	3	3	3

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Pemeriksa 1	Pemeriksa 2	Pemeriksa 3
5	Diagram 5 shows the position of a plate before and after the table cloth is snatched away. The plate remains stationary due to___	2	2	2
6	A body stay stationary, or continues to move with a uniform velocity, unless there is an external force that changes its state of motion. Which law is explained by the above statement?	4	1	4
7	Which phenomenon shows the effect of inertia?	3	3	3
8	Diagram 6 shows a cat chasing a rat. The inertia of the cat is bigger than the rat because___.	4	2	4
9	Diagram 7 shows two identical balls, P and Q, moving towards each other with a velocity of v and 2v respectively. The collision between the two balls is an elastic collision. Which statement is correct about the elastic collision?	2	3	2
10	Diagram 8 shows three identical coins, P, Q, and R, at rest on a horizontal surface. What will happen when P collides with Q?	4	2	2
11	Diagram 9 shows two trolleys before and after collision. What is the velocity of both trolleys after collision?	2	3	2

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(sambungan)*

Bil	Soalan	Pemeriksa 1	Pemeriksa 2	Pemeriksa 3
12	Diagram 10 shows a toy car of mass 4 kg. The car is pushed forward by a force of 10 N. Thefrictional force between the toy car and the floor is 2 N. What is the acceleration of the toy car?	5	3	5
13	Diagram 11 shows a stationary object when forces F_1, F_2, F_3 and F_4 are applied. Which statement is correct?	1	2	1
14	Diagram 12 shows a woman pushing a trolley. The total downward force is	2	3	2
15	Diagram 13 shows a balloon with a rushing out from the nozzle of the balloon. This situation is explained by ___	4	1	4
	Bahagian B (Soalan struktur)			
1a	(a) What is the meaning of force?	1	1	1
1b	(i) What is the frictional force acting on the box?	3	3	3
	ii) Sketch a displacement-time graph motion of the box in Diagram 1.	5	4	5
1c	The pushing force of the box is increased to 350N. i) Calculate the resultant force acting on the box.	3	3	3
	ii) Calculate the acceleration of the box .	3	3	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 menunjukkan penilaian aras yang diberi oleh tiga panel pakar mengikut Aras Taksonomi Bloom. Penilaian aras yang dinilai oleh panel pakar telah diambil mengikut kekerapan supaya aras soalan dalam ujian pra dan pasca boleh didapati sebelum ia digunakan dalam kajian. Daripada analisis penilaian aras bagi soalan didapati ketiga-tiga panel pakar memberi nilai aras yang hampir sama (Lampiran C1). Ini menunjukkan soalan-soalan yang digunakan dalam ujian pra dan pasca bagi tajuk Hukum Newton menguji lima aras yang terkandung dalam aras Taksonomi Bloom.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1.4 Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)

Bilangan soalan mengikut JSU bagi kedua-dua ujian pra dan pasca adalah sama.

Jadual 3.4

Soalan Mengikut Aras Taksonomi Bloom (Tajuk: Hukum Newton)

TAJUK / SUB TAJUK		**ARAS TAKSONOMI BLOOM**						**JUMLAH**
		1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	
	Ujian pra	13O, 15O 1S(a)	3O, 5O, 8O, 9O 14O	2O, 4O, 7O. 11O 1S(bi) 1S(ci) 1S(cii)	6O, 10O 1S(bii)	1O, 12O		**20**
	Ujian pasca	4O, 1O 1S(a)	*10O*, *13O*, *7O*, *8O*, *2O*	9O, 11O, 15O, 6O 1S(bi) 1S(ci) 1S(cii)	*14O*, *5O* 1S(bii)	12O, 3O		**20**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nota : O = Soalan objekif aneka pilihan

S = Soalan struktur

Kajian ini telah diberi kepada tiga orang guru pakar Fizik yang berpengalaman. Ketiga-tiga pakar mempunyai lebih 10 tahun pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Fizik di sekolah menengah. Dua pakar tersebut mempunyai pengalaman dalam memeriksa soalan SPM bagi kertas Fizik selama dua dan 10 tahun masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

JSU yang dibina bagi ujian pra dan pasca telah diberi kepada tiga pakar tersebut untuk menilai soalan-soalan yang dibina berdasarkan aras Taksonomi Bloom. Kemudian ia telah diubahsuai dan akhirnya dapat membina JSU yang baru.

3.4.2. Soal Selidik

Persepsi pelajar terhadap penggunaan simulasi dinilai dengan menggunakan set soal selidik. Soal selidik ini diadaptasi daripada kajian Ghazali (2013) dan telah diubahsuai. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik ini.

Bahagian A – untuk maklumat latar belakang pelajar

Bahagian B – untuk mengukur persepsi mereka terhadap simulasi PhET di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik ini mempunyai 19 item. Daripada 19 item berkenaan, ia digunakan untuk mengukur empat jenis persepsi terhadap penggunaan simulasi PhET iaitu yakin, suka, bimbang, dan menolak. Empat jenis persepsi ini dibahagikan dengan menggunakan 19 item dalam soal selidik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Item-item Soal Selidik Mengikut Jenis Persepsi

Jenis Persepsi	Item
Yakin	2, 5, 10, 15 dan 19
Suka	4, 6, 7, 9, dan 17
Bimbang	1, 8, 12, 13, dan 16
Menolak	3, 11, 14 dan 18

Semua item soal selidik yang dinyatakan (kecuali Bahagian A) menggunakan skala likert 5 pilihan.

Jadual 3.6

Skala Likert

Skor	Skala Likert
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Ia dilakukan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu instrumen yang bakal digunakan dalam kajian sebenar. Kebaikan melaksanakan kajian rintis ialah data yang dikumpulkan mungkin memberi amaran kepada pengkaji bahawa kajian sebenar yang dilakukan akan bermasalah, garis kasar cadangan kajian kurang mantap atau instrumen yang digunakan kurang sesuai. Oleh yang demikian, kajian rintis adalah satu aspek yang penting dalam sesuatu kajian.

Dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan kepada 30 sampel responden dari sebuah sekolah menengah lain di daerah Hulu Langat, Kajang yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan populasi kajian ini seperti umur, aliran sains (Fizik), bilangan murid dan sekolah berkawasan bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dikatakan tinggi jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis. Manakala kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperolehi nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali yang kedua dilakukan, nilai yang diperolehi adalah serupa, maka instrumen itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, ujian kesahan dan kebolehpercayaan dijalankan bagi setiap instrumen yang digunakan.

3.6.1 Kesahan

Ujian kesahan dilakukan ke atas instrumen ujian pencapaian dan soal selidik. Ujian pencapaian diberi kepada tiga panel pakar untuk mengetahui sebarang kekeliruan daripadanya. Kesahan bagi item dalam ujian dirujuk kepada skala persetujuan Cohen Kappa. Nilai Kappa bagi ujian pencapaian adalah lebih tinggi dari 0.80. Ini menunjukkan set ujian yang dibina mempunyai kesahan yang tinggi mengikut skala persetujuan Cohen Kappa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Instrumen Dan Nilai Kappa (Lampiran C1)

Instrumen	Nilai Kappa
Ujian pra	0.824
Ujian pasca	0.824

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.8

Nilai Kappa Dan Interprestasinya

Nilai Kappa	**Interprestasi**
< 0.20	Sangat Tidak sesuai
0.20 – 0.40	Kurang sesuai
0.40 – 0.60	Sederhana
0.60 – 0.80	Sesuai
0.80 – 1.00	Sangat sesuai

(Sumber: Cohen, 1960)

Bagi kesahan soal selidik, item-item soal selidik diperhalusi setelah mendapat pandangan pakar dan pembetulan berdasarkan cadangan dari pakar untuk menentukan kejelasan item dan format instrumen. Menurut Baumgartner, Jackson, Mahar dan Rowe (2003), sesuatu bukti yang kukuh adalah lebih baik daripada bukti yang lemah. Kesahan tidak memerlukan bukti statistik tetapi mencukupi dengan mendapat pandangan dan pendapat pakar dalam bidang tersebut. Instrumen soal selidik ini berbentuk skala Likert lima mata iaitu, sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju, dan sangat setuju. Sebanyak lapan item soalan untuk penilaian pakar bagi menilai soal selidik kajian. Bagi menentukan tahap kesahan soal selidik, jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Rumus berkenaan adalah seperti berikut:

$$\text{Kesahan} = \frac{\text{Jumlah skor pakar (x)}}{\text{Jumlah skor sebenar (y)}} \times 100\%$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan soal selidik mendapat 87.5%. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), kesahan kandungan yang mendapat skor melebihi dari 70% yang menunjukkan bahawa kandungan yang dibangunkan ini mempunyai kesahan yang baik. Ini bermakna, kandungan soal selidik ini dibangunkan bertepatan dan bersesuaian dengan objektif yang telah digariskan.

3.6.2 Ujian Kebolehpercayaan

Instrumen seperti ujian pencapaian dan soal selidik dinilai dari segi kebolehpercayaan mengikut nilai Cronbach's Alpha. Ujian pra, ujian pasca, dan soal selidik diberi kepada 30 sampel responden dari sebuah sekolah menengah yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan populasi kajian ini. Ciri-cirinya adalah sampel juga terdiri daripada aliran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Nilai Cronbach's Alpha dan Hubungannya

Nilai Alpha Cronbach	Kekuatan Hubungan
< 0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat baik
0.9	Terbaik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Nilai Cronbach's Alpha bagi Setiap Jenis Ujian

Instrumen	Responden	Nilai Alpha
Ujian pra	30	0.75
Ujian pasca	30	0.75
Soal selidik	30	0.74

Kesemua ujian tersebut mempunyai nilai yang tinggi dari 0.7. Ini bermakna semua instrumen yang dibina mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian untuk mendapat tahu kesan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Fizik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Ujian Kenormalan

Ujian kenormalan yang dijalankan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membuktikan bahawa data-data yang diperolehi adalah bertabur secara normal sebelum ujian-t dilakukan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pencongan dan kurtosis. *Normality probability Q-Q plot* dan histogram untuk menguji normaliti bagi ujian percubaan PT3 2015, ujian pra, dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua data adalah bertabur secara normal bagi setiap ujian. Jadual 3.11 menunjukkan ujian kenormalan melalui pencongan dan kurtosis bagi setiap ujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Jenis Ujian, Bilangan Sampel Kajian Serta Nilai Pencongan dan Kurtosis (Lampiran C2)

Ujian	**N**	**Pencongan**	**Kurtosis**
Ujian percubaan PT3 2015 (mata pelajaran Sains)	40	-.355	-.719
Ujian pra	40	-.251	-.910
Ujian pasca	40	-.683	-.127


Merujuk kepada jadual 3.11, data bertabur secara normal. Nilai pencongan dan kurtosis bagi setiap ujian terletak di antara -1.96 hingga +1.96. Ini menunjukkan semua data bertabur secara normal (Field, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain nilai pencongan dan kurtosis, data-data daripada ujian tersebut juga dinilai dalam *normal probability Q-Q plot*. Semua data dalam setiap ujian bertabur di sekeliling garis lurus secara dekat di dalam *normal probability Q-Q plot*. Histogram bagi semua ujian juga berbentuk loceng dan ini membuktikan semua data adalah normal dan boleh digunakan untuk analisis data bagi mengetahui keberkesanan simulasi PhET.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Normal Probability Q-Q Plot bagi ujian pencapaian pra sampel kajian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 3.2. Histogram bagi ujian pencapaian pra sampel kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Normal Probability Q-Q Plot bagi ujian pencapaian pasca sampel kajian



Rajah 3.4. Histogram bagi ujian pencapaian pasca sampel kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Kajian

Langkah pertama, penyelidik memohon kebenaran bagi menjalankan penyelidikan kepada Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas itu, penyelidik membuat permohonan kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk menjalankan kajian di Daerah Hulu Langat. Setelah sekolah kajian dikenal pasti, penyelidik menghantar surat permohonan kepada pihak pentadbiran sekolah yang terpilih. Penyelidik mendapatkan keputusan percubaan peperiksaan PT3 dan menganalisis menggunakan ujian–t bagi mendapatkan kumpulan kawalan dan rawatan yang sama kepintaran.


Ujian pra dijalankan oleh guru mata pelajaran Fizik sebelum memulakan topik Daya dan Gerakan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Guru tersebut mengajar topik tersebut dengan menggunakan kaedah simulasi PhET bagi rawatan dan kumpulan kawalan dengan menggunakan kaedah konvesional. Guru tersebut menjalankan pengajaran berpandukan rancangan pegajaran harian(Lampiran E) yang deberi oleh penyelidik. Setelah habis mengajar topik tersebut kedua-dua kumpulan diuji dengan ujian pasca dan soal selidik pula diuji kepada kumpulan rawatan sahaja bagi mengetahui sikap mereka terhadap penggunaan simulai PhET.

Penyelidik mengambil semua kertas soalan dan soal selidik yang telah diedarkan untuk melakukan proses analisis dapatan data. Akhir sekali, penyelidik mempersembahkan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan dan mencadangkan beberapa cadangan daripada kajian yang telah dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8.1 Carta Alir Prosedur Kajian.



Rajah 3.5. Carta Alir Procedur Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Analisis Data

Data yang dikumpul yang diperolehi daripada ujian pencapaian dan soal selidik dianalisis berdasarkan persoalan kajian. Analisis deskriptif seperti min dan peratusan manakala analisis inferensi seperti ujian-t digunakan untuk menganalisis data.

Jadual 3.12

Data Analisis

Soalan kajian	**Instrumen kajian**	**Kaedah analisis data**
Adakah terdapat perbezaan min skor antara ujian pra bagi kumpulan rawatan (kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (kaedah konvensional) dalam tajuk Hukum Newton?	Markah ujian	Ujian-t tidak bersandar
Adakah terdapat perbezaan min skor antara ujian pasca bagi kumpulan rawatan (kaedah simulasi PhET) dan kumpulan kawalan (kaedah konvensional) dalam tajuk Hukum Newton?	Markah ujian	Ujian-t tidak bersandar
Adakah terdapat perbezaan min skor antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan (kaedah simulasi PhET) dalam tajuk Hukum Newton?	Markah ujian	Ujian-t berpasangan
Apakah skor min persepsi pelajar kumpulan rawatan (kaedah simulasi PhET) terhadap penggunaan simulasi PhET dalam pengajaran dan pembelajaran?	Soal selidik	Min (julat)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.1 Ujian Statistik Deskriptif

Analisis skor persepsi digunakan untuk menunjukkan tahap taburan respondan bagi item-item 1 hingga 19. Rujukan mudah min boleh dilakukan dengan mudah dan tepat dalam analisis skor. Tahap taburan item bagi setiap item dalam persepsi tersebut dikelaskan kepada tiga tahap seperti:

Jadual 3.13

Skala Taburan Min

Skala	Tahap	Skor min
1	Rendah	1.00-2.33
2	Sederhana	2.34-3.66
3	Tinggi	3.67-5.00

Sumber: Penyelidikan Fakulti Pendidikan UTM 2001/2002 dalam Azizi (2003)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.2 Analisis Statistik Inferens

Ujian-t digunakan dalam analisis data kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan yang melibatkan pencapaian markah di antara dua kategori kumpulan. Sekiranya nilai signifikan didapati kurang daripada 0.05, maka terdapat perbezaan min skor pencapaian markah di antara kedua-dua kategori tersebut. Jika nilai signifikan didapati lebih daripada 0.05 maka tidak terdapat perbezaan min skor pencapaian markah di antara kedua-dua kategorinya. Ujian ini dianalisis dengan menggunakan sistem SPSS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Rumusan

Penyelidik berharap dengan menggunakan dua instrumen yang disediakan seperti set ujian dan soal selidik dapat membantu penyelidik bagi mengumpul data. Dalam bab yang seterusnya, penyelidik membincangkan mengenai penganalisaan data kajian, keputusan statistik deskriptif dan analisis statistik inferens. Keputusan-keputusan ini dibincangkan dengan berdasarkan kepada persoalan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

